



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN: PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Cukai Dalam Negeri,
Putrajaya.**

27 Februari 2024

Penerbitan

Tarikh: 27 Februari 2024.

Panduan Perkhidmatan Telekomunikasi pada 31 Oktober 2018 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Telekomunikasi yang dikemaskini pada 27 Februari 2024.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

KANDUNGAN	i
PENGENALAN.....	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI (PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI)	1
Telekomunikasi Asas	2
Perkhidmatan Nilai Tambah Dalam Telekomunikasi	2
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI.....	3
PENENTUAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI	4
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR.....	5
SOALAN LAZIM.....	7
PERTANYAAN	14
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST	14

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai penggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan iaitu "perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai melebihi nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" dan perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kena cukai yang dibuat kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan telekomunikasi.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI (PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI)

5. Berkuatkuasa 1 September 2018, di bawah Kumpulan I, butiran 2, ruang 2, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PCP 2018), penyediaan :
 - i. perkhidmatan telekomunikasi;
 - ii. perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan digital yang berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi tidak termasuk penyediaan perkhidmatan kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi lain dalam Malaysia atau luar Malaysia;
 - iii. perkhidmatan penyiaran langganan; dan
 - iv. perkhidmatan digital

adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. Perkhidmatan telekomunikasi boleh dibahagikan kepada dua kategori:
- i. Telekomunikasi asas
 - ii. Perkhidmatan nilai-tambah

Telekomunikasi Asas

7. Telekomunikasi asas termasuk perkhidmatan telekomunikasi yang melibatkan pelepasan *end-to-end*, penghantaran atau penerimaan bunyi, data, teks, imej visual, isyarat atau gabungan apa-apa bentuk berikut, termasuklah perkhidmatan:

- i. Telefon suara rangkaian tetap
- ii. Telefon analog/selular digital/bimbit
- iii. Telekomunikasi satelit
- iv. Internet dan lain-lain penghantaran data digital
- v. Sewaan, jualan dan penyelenggaraan komponen rangkaian
- vi. Akses rangkaian dan kemudahan rangkaian
- vii. Infrastruktur asas telekomunikasi antarabangsa
- viii. Kelui tanpa wayar
- ix. Jualan semula telekomunikasi asas

Perkhidmatan Nilai Tambah Dalam Telekomunikasi

8. Perkhidmatan telekomunikasi Nilai Tambah adalah berdasarkan atau bergantung kepada kemudahan infrastruktur untuk penyediaan perkhidmatan asas atau perkhidmatan lain tanpa perlu membina infrastruktur rangkaian sendiri, termasuk:

- i. Perkhidmatan nilai tambah rangkaian telefon tetap

- ii. Perkhidmatan nilai tambah rangkaian mudah alih
- iii. Perkhidmatan nilai tambah rangkaian satelit
- iv. Perkhidmatan nilai-tambah Internet
- v. Lain-lain perkhidmatan nilai-tambah untuk rangkaian penghantaran data

9. Dalam perkhidmatan telekomunikasi nilai tambah, pembekal mengenakan caj tambahan kepada pelanggan bagi sebarang penambahan bentuk kandungan atau penyediaan storan data dan mendapatkan kembali data yang disimpan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

10. Secara asas, semua perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan perayauan (*roaming*) yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi di dalam Malaysia kepada pelanggannya yang berada di luar Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

11. Walau bagaimanapun, penyediaan perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi di Malaysia kepada syarikat telekomunikasi sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia adalah tidak tertakluk cukai perkhidmatan.

12. Bermula 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian pelbagai perkhidmatan bercukai oleh penyedia perkhidmatan yang sama ditetapkan seperti berikut:

- i. Berdasarkan jenis perkhidmatan bercukai dan bukannya mengikut kepada perkhidmatan utama; dan
- ii. Sekiranya perkhidmatan bercukai disediakan secara berpakej, kadar cukai perkhidmatan ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai.

PENENTUAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

13. Perkhidmatan telekomunikasi yang digabungkan/pakej (*bundle*) dengan nilai tambah perkhidmatan digital, perkhidmatan teknologi maklumat, atau tv berbayar seperti storan awan (*cloud storage*), keselamatan (*security*), e-mel, alat pemantauan rangkaian, penstriman (*streaming*) adalah merupakan perkhidmatan yang bercukai. Nilai tambah yang digabungkan/pakej (*bundle*) ini tidak ditawarkan secara berasingan daripada perkhidmatan telekomunikasi. Kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah pada kadar 6% tertakluk kepada perkhidmatan telekomunikasi bermula 1 Mac 2024.

Contoh 1

Ali bercadang menggunakan talian fiber internet untuk kediamannya yang beralamat di Sepang. Ali memilih syarikat telekomunikasi Ulite Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan. Ulite Sdn Bhd menawarkan beberapa pakej dan setiap pakej yang ditawarkan mempunyai kandungan pakej yang berbeza. Ali telah memilih pakej yang digabungkan penstriman tv berbayar dan juga storan awan (*cloud*). Perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan telekomunikasi pada kadar 6%.

14. Perkhidmatan isi kandungan mudah alih kini ditawarkan melalui tiga medium iaitu pesanan ringkas (SMS), perkhidmatan mesej multimedia (MMS) dan protokol aplikasi tanpa wayar (WAP). Pesanan ringkas (SMS) dan perkhidmatan mesej multimedia (MMS) merupakan perkhidmatan telekomunikasi pada kadar 6%.

15. Protokol aplikasi tanpa wayar (WAP) adalah merupakan perkhidmatan digital yang disediakan oleh perkhidmatan telekomunikasi kepada pengguna terakhir adalah tertakluk kepada perkhidmatan digital sekiranya ditawarkan secara berasingan dengan kadar 8% bermula 1 Mac 2024.

16. Sebarang bentuk tambahan perkhidmatan digital, perkhidmatan teknologi

maklumat dan tv berbayar dalam perkhidmatan telekomunikasi dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 8% bermula 1 Mac 2024.

Contoh 2

Syarikat Halim Kencana Sdn Bhd (HKSD) telah memilih Ulite Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan talian fiber internet bagi perniagaan syarikat HKSD. Syarikat HKSD telah memilih pakej talian fiber internet sahaja tanpa ada penambahan dalam pakej tersebut. Selepas beberapa bulan, HKSD berhasrat ingin menambah perkhidmatan storan awan /keselamatan (*cloud storage/ security*). Perkhidmatan tambahan ini merupakan perkhidmatan teknologi maklumat yang dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 8%.

17. Tiada caj cukai perkhidmatan boleh dikenakan sekiranya perkhidmatan telekomunikasi diberikan kepada bukan penyedia perkhidmatan telekomunikasi tetapi kepada pemegang lesen individu atau kelas. Perkhidmatan ini adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan dengan syarat perkhidmatan ini digunakan untuk memajukan perniagaan pemegang lesen individu atau pemegang lesen kelas.

18. Perkhidmatan pra-bayar selular awam di dalam perkhidmatan telekomunikasi adalah di mana pengguna terakhir di kehendaki membayar terlebih dahulu sebelum menggunakan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan telekomunikasi pra-bayar selular awam yang dibekalkan kepada warganegara Malaysia oleh syarikat telekomunikasi yang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dikecualikan dari cukai perkhidmatan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

19. Pembekal perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar dibawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan**

Pendaftaran Cukai Perkhidmatan.

20. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan.**

SOALAN LAZIM

1. **S : Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan telekomunikasi?**
J : Perkhidmatan telekomunikasi ertinya pemancaran, pancaran atau penerimaan, dan pemindahan atau penyerahhan hak untuk menggunakan kapasiti bagi pemancaran, pancaran atau penerimaan isyarat, tulisan, imej, bunyi atau apa-apa jenis maklumat dengan kabel wayar, radio, sistem optik atau elektromagnet lain, atau dengan suatu sistem teknikal yang serupa yang dibekalkan oleh mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang berdaftar di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000. Perkhidmatan telekomunikasi adalah termasuk penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dalam bentuk telefon, faksimili, telemel, paging atau telefon selular, telex, perkhidmatan jalur lebar, perkhidmatan tambah nilai dan lain-lain.
2. **S : Adakah perkhidmatan pemasangan talian internet dianggap sebagai perkhidmatan telekomunikasi?**
J : Ya. Sekiranya dicaj oleh syarikat telekomunikasi.
3. **S : Adakah 'roaming' tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
J : Perkhidmatan 'roaming' adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
4. **S : Adakah perkhidmatan telekomunikasi oleh pembekal di Malaysia kepada pembekal telekomunikasi di luar Malaysia tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan telekomunikasi oleh pembekal di Malaysia kepada pembekal telekomunikasi di luar Malaysia adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. S : **Adakah kad prabayar atau kad tambah nilai tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tidak. Kad prabayar atau kad tambah nilai untuk warganegara Malaysia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. S : **Perkhidmatan telekomunikasi ‘Over the Top (OTT)’ i.e whatsapp, facebook, telegram (boleh buat call), sekiranya caj, adakah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya dicaj.

7. S : **Adakah panggilan ke luar Malaysia tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, panggilan ke luar Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. S : **Adakah panggilan *reverse charge* tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, panggilan *reverse charge* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

9. S : **Adakah perkhidmatan toll-free tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

- J : Ya, perkhidmatan toll-free adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
10. S : **Adakah perkhidmatan telekomunikasi daripada *Special Area* (SA) ke SA, SA ke *Designated Area* (DA) dan DA ke SA tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya, pembekalan perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
11. S : **Adakah perkhidmatan telefon awam tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya, telefon awam adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
12. S : **Apakah layanan cukai perkhidmatan bagi penyediaan perkhidmatan telekomunikasi oleh penyedia telekomunikasi Malaysia kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi di luar Malaysia?**
- J : Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi oleh penyedia telekomunikasi Malaysia kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
13. S : **Panggilan Langsung Antarabangsa (IDD) adalah istilah untuk menggambarkan panggilan telefon antarabangsa yang didail oleh operator. Abu adalah pelanggan telekomunikasi Malaysia telah menelefon kawannya di London secara panggilan langsung antarabangsa (IDD). Apakah layanan cukai ke atas perkhidmatan tersebut?**
- J : Perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

14. **S** : Perayauan (Roaming) ditakrifkan sebagai keupayaan untuk pelanggan selular membuat dan menerima panggilan suara secara automatik, menghantar dan menerima data atau mengakses perkhidmatan lain semasa membuat perjalanan di luar liputan geografi rangkaian biasa dengan menggunakan dengan rangkaian yang dikunjungi. Apakah layanan cukai ke atas perkhidmatan perayauan yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi Malaysia kepada pelanggannya?

J : Perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

15. **S** : Perkhidmatan aplikasi kandungan adalah penyediaan perkhidmatan kandungan melalui perkhidmatan mesej dan boleh diakses pada peranti capaian mudah alih atau peranti capaian tetap melalui Aplikasi Store. Apakah layanan cukai ke atas penyediaan kandungan oleh syarikat telekommunikasi Malaysia?

J : Perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

16. **S** : Apakah layanan cukai perkhidmatan bagi penyediaan kad modul pengenalan pelanggan (sim kad) secara pukal dengan nilai kredit tertentu (air time) di kawasan ditetapkan (*Designated Area*)?

J : Perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

17. **S** : Adakah pembelian *Bulk SMS* oleh sebuah syarikat yang berdaftar atau dilesenkan di bawah Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) daripada syarikat telekomunikasi di Malaysia tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Tidak. Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, penjualan Bulk SMS kepada pelanggan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

18. **S : Apakah jenis perkhidmatan percuma yang dikenakan cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan percuma tidak dikenakan cukai perkhidmatan jika perkhidmatan tersebut diberikan kepada semua pelanggan. Walaubagaimanapun, jika perkhidmatan percuma hanya diberikan kepada orang-orang tertentu yang dipilih, perkhidmatan percuma tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

19. **S : Adakah pemasangan menara, kabel, *Distribution Points* dan lain-lain (pembekal boleh dilesenkan oleh SKMM untuk pemasangan kabel kepada pelanggan DP) dianggap sebagai perkhidmatan telekomunikasi?**

J : Tidak. Perkhidmatan ini bukan perkhidmatan telekomunikasi.

20. **S : Adakah perkhidmatan pajakan talian antarabangsa yang disediakan di luar negara tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tidak. Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

21. **S : Adakah syarikat berlesen dengan SKMM yang menyediakan penyewaan platform SMS kepada satu syarikat lain yang juga berlesen dengan SKMM, tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan?**

J : Tidak. Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

22. **S : Adakah penggantian kad SIM disebabkan kehilangan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tidak. Penggantian kad SIM tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

23. **S : Adakah pek permulaan untuk perkhidmatan telekomunikasi prabayar tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Pek permulaan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

24. **S : Apakah perkhidmatan nilai tambah (*value added*) berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Semua perkhidmatan nilai tambah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti Jaminan Tahap Perkhidmatan, Perkhidmatan *Firewall*, Perkhidmatan Penapisan Kandungan, perkhidmatan enkripsi, Perkhidmatan Pemantauan dan Analisis Rangkaian.
25. **S : Adakah Telco perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada pemegang lesen kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi(ASP)?**
- J : Perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya Telco menyediakan perkhidmatan telekomunikasi kepada pemegang lesen dan perkhidmatan telekomunikasi itu digunakan bagi tujuan penerusan perniagaan pemegang lesen ASP tersebut.
26. **S : Adakah langganan tv berbayar yang disediakan oleh perkhidmatan telekomunikasi tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6% ?**
- J : Langganan tv berbayar akan dikenakan cukai perkhidmatan 6% sekiranya perkhidmatan ini diberikan bersekali dengan perkhidmatan utama iaitu perkhidmatan telekomunikasi. Kadar akan dikenakan 8% ke atas langganan tv berbayar sekiranya disediakan secara berasingan.
27. **S : Berapakah kadar cukai yang perlu dikenakan sekiranya pertambahan untuk perkhidmatan digital, perkhidmatan tv berbayar dan perkhidmatan teknologi maklumat ke atas pakej asal ?**
- J : Sebarang tambah nilai yang dilakukan ke atas pakej asal akan dikenakan kadar cukai sebanyak 8% mengikut perkhidmatan yang dibekalkan.

- 28 **S** **Apakah perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan dalam perkhidmatan telekomunikasi?**
- J Perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti penggantian kad SIM, penalti, rebat dan duti setem.
-
- 29 **S** **Adakah “on-site support” dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 6% ?**
- J Ya, “on-site support” oleh juruteknik tertakluk kepada cukai perkhidmatan sebanyak 6% kerana ini adalah perkhidmatan sampingan kepada perkhidmatan telekomunikasi.
-
- 30 **S** **Berapakah kadar cukai yang dikenakan ke atas perkhidmatan percuma yang disediakan bersama-sama dengan pakej?**
- J Perkhidmatan percuma yang disediakan bersama pakej tidak dikenakan cukai perkhidmatan kerana cukai perkhidmatan sebanyak 6% telah dikenakan ke atas pakej asal tersebut.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila hubungi:-

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- i. Laman web SST : www.mysst.customs.gov.my
- ii. Pusat Panggilan Kastam:
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-88822100/ 2300/ 2500
 - E-mel : ccc@customs.gov.my